

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91**

**Mac/April 1991**

**IKK 406/4 - Operasi Unit III**

**Masa: [3 jam]**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 7 (TUJUH) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab 5 (LIMA) soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai tajuk-tajuk seperti berikut

(a) Penyulingan sistem perduaan tak unggul

[25/100]

(b) Perhubungan di antara darjah penyerapan dan faktor penyerapan

[25/100]

(c) Peresapan mantap A menerusi B yang tak resap untuk gas

[25/100]

(d) Perhubungan di antara suhu tepu adiabatik dengan kelembapan

[25/100]

2. (a) Cari masa untuk mengeringkan sesuatu pepejal basah dari 5 kg air/kg pepejal kering sehingga 0.5 kg air/kg pepejal kering kalau :

$$L/A = 30 \text{ kg/m}^2$$

$$w_c = 2.0 \text{ kg air/kg pepejal kering}$$

$$w_e = 0.2 \text{ kg air/kg pepejal kering}$$

$$R_c = 2 \text{ kg air/m}^2\text{h}$$

[50/100]

- (b) Cari jumlah haba yang diperlu untuk memanaskan  $200 \text{ m}^3$  sesuatu udara basah sehingga  $60^\circ\text{C}$  kalau :

Suhu udara =  $33^\circ\text{C}$

Kelembapan =  $0.025 \text{ kg wap air/kg udara kering}$

Kelembapan tepu =  $0.108 \text{ kg wap air/kg udara kering}$

Haba spesifik udara kering =  $0.24 \text{ cal/g}^\circ\text{C}$

Haba spesifik wap air =  $0.45 \text{ cal/g}^\circ\text{C}$

[50/100]

3. Data untuk penyulingan sesuatu suap adalah seperti berikut :

Suhu suap masuk =  $180^\circ\text{F}$

Kemeruapan relatif = 4

$x_f$  = 0.4

$x_d$  = 0.9

$x_w$  = 0.1

Nisbah refluks = 2 kali nilai minimum

Tentukan (dengan 3 titik desimal) garis operasi bawah.

[100/100]

4. Data untuk penyerapan benzena daripada suatu campuran dengan gas arang batu oleh suatu minyak ringan adalah seperti berikut :

Gas masuk penyerap :

|                       |                             |
|-----------------------|-----------------------------|
| kadar                 | = 30 000 ft <sup>3</sup> /h |
| suhu                  | = 75°F                      |
| tekanan               | = 800 mm Hg                 |
| kandungan benzena     | = 2% (isipadu)              |
| penyerapan diperlukan | = 95%                       |

Minyak ringan masuk penyerap (aliran bertentangan)

|                   |                          |
|-------------------|--------------------------|
| kadar             | = 1.5 kali kadar minimum |
| kandungan benzena | = 0.005 pecahan mol      |

Kalau tekanan wap benzena pada 75°F ialah 90 mm Hg, tentukan kadar aliran minyak ringan.

[100/100]

5. Hubungan antara  $\alpha$  dan  $\Delta p$  untuk  $\text{CaCO}_3$ , telahpun ditemui seperti di bawah

$$\alpha = 5.9 \times 10^{10} [1 + 3.36 \times 10^{-4} (\Delta P)^{0.86}] \text{m/kg}$$

di mana  $\Delta p$  adalah dalam  $N/m^2$ . Hubungan ini didapati atas kajian antara tekanan 0 hingga  $6.8 \times 10^6 N/m^2$ .

Buburan yang bersifat sama dengan yang telah dikaji mengandungi 6.6 kg pepejal kek tiap metre isipadu cecair turasan perlu dituras dengan cara tekanan malar  $\Delta P = 5.51 \times 10^5 N/m^2$  dan  $T = 70^\circ F$ . Ujikaji ke atas hampas dan bahan turas yang digunakan menunjukkan bahawa nilai  $R_m = 7.38 \times 10^{10} m^{-1}$ . Berapakah luas bahan turas dalam metre persegi yang diperlukan untuk menghasilkan sebanyak  $7075 m^3$  cecair turasan dalam jangka masa satu jam.

Diberi persamaan untuk turasan apabila  $t = 0$ ,  $V = 0$

$$\frac{dt}{dv} = \frac{\mu R_m}{A\Delta P} = \frac{1}{q_o}$$

di mana  $q_o$  ialah kadar isipadu aliran

$$\mu = 9.84 \times 10^{-4} \text{ kg/m.s}$$

[100/100]

6. Pengenapan untuk gelas berbentuk sefera bergaris rentas  $D_p = 1.554 \times 10^4$  m pada suhu  $293^\circ\text{K}$  di dalam buburan di mana enapan berlaku mengandungi 60% pepejal menunjukkan data seperti di bawah.

Data :

|                         |   |
|-------------------------|---|
| Ketumpatan gelas sefera | $\rho_p = 2467 \text{ kg/m}^3$            |
| Ketumpatan air          | $\rho = 998 \text{ kg/m}^3$               |
| Kelikatan air           | $\mu = 1.005 \times 10^{-3} \text{ Pa.s}$ |
| Pecahan isipadu cecair  | $\epsilon = 0.662$                        |

Faktor pembetulan empirikal kelikatan bagi campuran buburan ialah

$$\psi = \frac{1}{10^{1.82}(1 - \epsilon)}$$

(i) Berapakah ketumpatan pukal untuk buburan  $\rho_m$ ?

[25 markah]

(ii) Berapakah kelikatan pukal untuk buburan  $\mu_m$ ?

[25 markah]

(iii) Berapakah halaju pengenapan untuk gelas sefera dalam buburan?

[25 markah]

(iv) Tentukan dijulat aliran manakah, enapan untuk gelas sefera ini berlaku? Buktikan kenyataan kamu.

[25 markah]

oooooooooooo